

84

NO. SOALAN : 234

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEENAM, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

[SEGAMBUT]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan seemenjak permohonan kebenaran merancang Lot 54268 ditolak secara muktamad pada Oktober 2005, berapa kalikah agensi-agensi kerajaan yang terbabit telah mengadakan mesyuarat dan surat-menyurat untuk mencari penyelesaian mengenai pampasan dengan Measat Digicast Sdn. Bhd., dalam tempoh-tempoh masa berikut:-

(a)Antara Oktober 2005 hingga Ogos 2014; dan

(b)Selepas Ogos 2017

JAWAPAN: YB DATUK SERI RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini telah mengadakan siri mesyuarat bagi menyelesaikan isu tanah ganti berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 5 Julai 2006 dan 27 Jun 2007. Agensi-agensi yang terlibat dalam siri perbincangan ialah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(a)Antara Oktober 2005 hingga Ogos 2014

- 18 kali mesyuarat,
- 208 surat-menyurat

(b)Selepas Ogos 2017

- 2 kali mesyuarat,
- 5 surat-menyurat

Pada 10 Februari 2016, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk diberikan tanah ganti kepada MDSB iaitu HS(D) 119633, PT 9331, Mukim dan Daerah Kuala Lumpur, WPKL. Pada masa ini, Kementerian sedang melaksanakan rundingan harga bagi kadar pajakan tanah ganti.

Sekian, terima kasih.